

Anwar mahu sekolah jadi tempat selamat, selesa, penuh harapan

Kuala Lumpur: Selaras dengan pembukaan sesi persekolahan 2025/2026, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu supaya sekolah menjadi tempat yang selamat, selesa dan penuh harapan kerana pendidikan ialah pintu kejayaan.

Menerusi catatan di Facebook,

Anwar berkata, beliau mengadakan lawatan mengejut di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Baru, di sini, semalam.

“Di SK Kampung Baru, saya meninjau sendiri keadaan dan suasana hari pertama persekolahan dan dedikasi serta kecekalan pendidik yang bersung-

guh-sungguh membentuk masa depan bangsa dan negara.

“Dalam kunjungan mengejut dan singkat itu, saya luangkan masa mendengar kerana perihal pendidikan bukan sekadar buku teks dan peperiksaan, tetapi soal membina impian, menerjah peluang dan mencorak hara-

pan,” katanya.

Di sebalik setiap harapan itu, beliau berkata, ada tanggungjawab yang perlu dipikul bersama semua pihak sebagai pemimpin, guru dan pendidik serta ibu bapa demi kejayaan anak bangsa.

Anwar turut mengimbau saat beliau menjadi pensyarah di

Georgetown University, Washington DC dan menyedari besarnya peranan guru dan pendidik.

Beliau berkata, guru dan pendidik bukan hanya membimbing dengan ilmu, tetapi dengan kasih sayang, sikap ihsan, contoh teladan dan hikmah. BERNAMA